

Pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis: Satu sorotan literatur

[Women's empowerment in hadith's perspective: a literature review]

Muhammad Adam Abd. Azid^{*1,2}, Najah Nadiyah Amran¹ & Hamdi Ishak¹

¹Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

*Corresponding author: adamsaifulislam@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.vol37no01.569>

Abstrak

Islam merupakan agama yang syumul meliputi segala aspek kehidupan. Islam juga telah memberikan kepada umatnya segala panduan untuk menguruskan kehidupan termasuklah berkaitan dengan pemeriksaan wanita. Walaupun hari ini Barat dianggap sebagai juara kepada perjuangan pemeriksaan wanita, namun hakikatnya Islam terlebih dahulu telah mempeloporinya. Sejak awal pengutusannya, pemeriksaan wanita telah menjadi salah satu daripada agenda dakwah Rasulullah SAW. Akan tetapi, pelaksanaan pemeriksaan wanita oleh Barat lebih diketengahkan berbanding apa yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, makalah ini melakukan sorotan literatur berkaitan pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis. Kajian ini mengaplikasikan metode kualitatif melalui kajian kepustakaan bagi mendapatkan data kajian, manakala analisis data dilakukan melalui analisis kandungan. Hasil kajian mendapati, kajian-kajian lepas telah membincangkan beberapa tema pemeriksaan wanita daripada perspektif hadis seperti perundangan, pendidikan, khidmat sosial, kerjaya dan politik. Namun, masih terdapat aspek-aspek pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis yang belum diteliti. Oleh yang demikian, pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis wajar diteliti secara menyeluruh bagi menengahkan pendekatan pemeriksaan wanita yang dilakukan oleh Rasulullah SAW

Kata Kunci: Pemeriksaan Wanita, Hadis, Feminis, Gender

Abstract

Islam is a religion that encompasses all aspects of life. Islam has also given its followers all the guidance to manage life including in relation to women's empowerment. Although today the West is considered the champion of women's empowerment, the fact is that Islam first pioneered it. Since the beginning of his mission, women's empowerment has been one of the agenda of the Prophet's PBUH preaching. However, the implementation of women's empowerment by the West is more highlighted than what was implemented by the Prophet PBUH. Therefore, this paper reviews the literature related to women's empowerment according to the hadith perspective. This study applies qualitative methods

Manuscript Received Date: 11/07/24

Manuscript Acceptance Date: 20/03/25

Manuscript Published Date: 31/03/25

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my

C O P E COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS



through literature review to obtain research data, while data analysis is done through content analysis. The study found that previous studies have discussed several themes of women's empowerment from a hadith perspective such as legislation, education, social services, careers and politics. However, there are still aspects of women's empowerment according to the hadith perspective that have not been researched. Therefore, women's empowerment according to the hadith perspective should be studied comprehensively to highlight the approach of women's empowerment carried out by the Prophet SAW.

Keywords: *Women's empowerment, Hadith, Feminist, Gender*

1.0 Pengenalan

Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals) yang ke-5 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah merangka tindakan penting negara-negara anggota bagi mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa kaum wanita dan kanak-kanak perempuan tinggal kurang sedekad sahaja lagi tempohnya. Antara indikator pencapaian tersebut dinilai daripada rangka kerja undang-undang bagi memantau usaha tersebut tanpa diskriminasi, peratusan wanita berkahwin mengikut tahap usia yang dibenarkan, pencapaian kepada akses sejagat terhadap kesihatan hak reproduktif dan seksual, daya kepimpinan wanita berasaskan kerusi yang disandang di peringkat membuat keputusan dan jawatan pengurusan. Laporan menunjukkan hanya 50 peratus mencapai tahap yang dikehendaki, manakala terdapat pencapaian dan perkembangan dalam aspek-aspek yang dinyatakan yang tidak mencapai 25 peratus.

Apakah yang dimaksudkan dengan rangka pemerksaan wanita? Apakah indikator sebenarnya dari perspektif sosial dan agama? Sejauhmanakah matlamat pemerksaan wanita tersebut selaras dengan panduan sumber Islam khususnya hadis-hadis? Walaupun Barat dianggap sebagai juara kepada perjuangan pemerksaan wanita hari ini, namun beberapa pengkajian mendapati agama Islam terlebih dahulu telah mempeloporinya. Terdapat argumen menentang pandangan bahawa sejak awal pengutusan Nabi Muhammad, pemerksaan wanita telah menjadi salah satu daripada agenda dan rangka utama dakwah baginda SAW. Akan tetapi, pelaksanaan pemerksaan wanita oleh Barat lebih diketengahkan dalam tulisan-tulisan mutakhir berbanding dengan apa yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW. Tambah lagi terdapat kritikan golongan feminis yang mendakwa agama Islam melalui sabda baginda bersifat misoginis. Makalah ini mempunyai dua tujuan. Pertama ia merungkai kepelbagaian perspektif dalam memahami konsep dan teori pemerksaan wanita dari sisi sarjana barat dan Islam. Kedua, ia meneroka hadis-hadis yang memberikan indikasi terhadap pemerksaan wanita dalam Islam. Perbincangan dalam makalah ini signifikan bagi menjelaskan persamaan dan perbezaan antara pendirian tentang pemerksaan wanita serta mengenalpasti sejauh mana antara dua perspektif yang dikemukakan tersebut menepati indikator dan ciri-ciri pemerksaan wanita yang dihasratkan dalam Matlamat Pembangunan Mampan tersebut.

Terdapat pelbagai definisi yang diketengahkan oleh para pengkaji berkaitan istilah pemerksaan wanita. menurut Tandon (2016), terdapat beberapa terma yang sering diguna pakai bagi mendefinisikan pemerksaan wanita iaitu *option*, *choice*, *control* dan *power*. Selalunya, pemerksaan wanita didefinisikan dengan kemampuan wanita untuk membuat keputusan dan mempengaruhi hasil yang penting bagi diri dan keluarga mereka. Selain itu, kawalan seseorang terhadap kehidupannya dan sumber juga sering ditekankan. Pemerksaan wanita juga merujuk kepada proses memperkasakan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Ia adalah aspek penting untuk mencapai kesaksamaan gender, yang bermaksud bahawa wanita dan lelaki mempunyai peluang, akses, hak dan tanggungjawab yang sama dalam semua aspek kehidupan (Mulia & Narwan, 2020).

Menurut Batliawala (1993), terma 'pemerksaan wanita' mula diperkatakan antara tahun 1980-an hingga 1990-an sebagai pendekatan radikal yang memfokuskan untuk mengubah hubungan kuasa demi hak-hak wanita dan persamaan yang lebih besar antara wanita dan lelaki. Bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pemerksaan wanita adalah proses bagi menjadikan wanita mampu untuk mengawal kehidupannya sendiri dan mampu untuk membuat pilihan strategik (United Nations, 2002). Pandangan sedemikian juga diketengahkan oleh Kabeer (1999) dalam kajiannya.

Pemerksaan wanita menggambarkan kemampuan wanita untuk menentukan, mengawal nasib mereka sendiri dan merealisasikan inspirasi mereka untuk menjalani kehidupan yang bermakna bagi mereka (Sen,1990; Rowlands,1995; Annas, 2003). Manakala, Chowdury (2018) menekankan soal kepimpinan dan pencapaian hak.

Pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis: Satu sorotan literatur

Baginya pemeriksaan wanita merujuk kepada pembangunan dan pengembangan politik, ekonomi, sosial dan perundangan wanita bagi menjamin persamaan hak wanita serta memastikan mereka yakin untuk menuntut hak-hak mereka.

2.0 Sorotan Literatur

2.1 Pemeriksaan Wanita


Pemeriksaan wanita adalah konsep yang kompleks yang melibatkan pelbagai sudut kemungkinan dan transformasi sosial sambil menghormati perspektif wanita sendiri (Porter et al, 2019). Terdapat pelbagai konsep telah diketengahkan oleh para pengkaji berkaitan pemeriksaan wanita, terma 'pemeriksaan wanita' mula diperkatakan antara tahun 1980-an hingga 1990-an sebagai pendekatan radikal yang memfokuskan untuk mengubah hubungan kuasa demi hak-hak wanita dan persamaan yang lebih besar antara wanita dan lelaki (Batliawala, 1993).

Terdapat beberapa terma yang sering diguna pakai bagi mendefinisikan pemeriksaan wanita antaranya *option*, *choice*, *control* dan *power* (Tandon, 2016). Kebiasaannya pemeriksaan wanita didefinisikan dengan kemampuan wanita untuk membuat keputusan mengawal kehidupannya dengan pilihan yang strategik (United Nations, 2002) dan berupaya mempengaruhi hasil yang penting bagi diri dan keluarga mereka yang melibatkan kawalan seseorang terhadap kehidupan untuk menentukan, mengawal nasib diri sendiri serta merealisasikan inspirasi mereka untuk menjalani kehidupan yang bermakna (Sen, 1990; Rowlands, 1995; Annas, 2003). Ia juga berkaitan kemampuan diri dalam mengawal dan menentukan sumber (Kabeer, 1999). Hal ini membolehkan wanita untuk menguruskan dan menentukan agenda kehidupan mereka sendiri, mengatur untuk bekerjasama antara satu sama lain dan menuntut perubahan daripada pemerintah dan masyarakat (Young, 1993).

Aspek kolektif juga diambil kira dalam mendefinisikan pemeriksaan wanita. Stromquist (1995) menjelaskan bahawa pemeriksaan adalah konsep yang mempunyai pelbagai aspek termasuk dan komponen bermula dengan kesedaran wanita mengenai penindasan terhadap mereka hingga bertindak secara kolektif sebagai kumpulan menuju perubahan sosial. Seterusnya, Ray (2015) dalam kajiannya pula menekankan pemberian autonomi kepada wanita. Oleh itu, beliau mendefinisikan pemeriksaan wanita adalah proses untuk meningkatkan status sedia ada dan kemampuan wanita bagi membolehkan mereka untuk menguruskan kehidupan mereka secara autonomi.

Selain itu, terma *human agency* dan *self-efficacy* juga sering diutarakan dalam menjelaskan maksud pemeriksaan wanita. Antara cirinya adalah kaum wanita mestilah mampu untuk mengetahui kehendak dan pilihan sendiri serta menganggap diri mereka bukan sahaja mampu, bahkan berhak untuk membuat pilihan (Rowlands, 1995; Kabeer, 2001). Seterusnya Ghanghas (2018) pula menegaskan bahawa pemeriksaan wanita tidak boleh ditakrifkan dengan melihat kepada aktiviti tertentu atau hasil akhir kerana ianya melibatkan proses yang panjang dan kompleks dalam memastikan dan memberikan kemampuan kepada wanita untuk bebas menganalisis, mengembang dan menyuarakan keperluan dan kemahuan mereka, tanpa perlu terikat atau dipaksa oleh mana-mana individu atau situasi. Penjelasan ini berkait rapat dengan rangka matlamat pembangunan mampan PBB 2030 berkait dengan *gender equality* yang bertujuan mencapai kesaksamaan gender tanpa diskriminasi dan pemeriksaan golongan wanita dan kanak-kanak perempuan (SDG-5).

Secara umumnya, pemeriksaan wanita adalah konsep yang kompleks dan pelbagai aspek yang melibatkan faktor peribadi, perhubungan secara individual dan kolektif dan juga melibatkan faktor persekitaran. Ia adalah proses rundingan yang melibatkan perubahan hubungan kuasa dalam mencapai hak, sumber dan kuasa. Norma dan nilai budaya juga membentuk persepsi tempatan tentang pemeriksaan, dan kesaksamaan.



Rajah 3.2. Pemerksaan Wanita Menurut Perspektif Feminis Barat

‘Feminisme’ berkait dengan gerakan politik, aliran ideologi dan gerakan sosial yang berkongsi matlamat yang sama untuk menentukan, mewujudkan dan mencapai kesaksamaan politik, ekonomi, peribadi dan sosial bagi jantina (Raina, 2017) serta menamatkan seksisme, eksploitasi seksis, dan penindasan demi mencapai kesaksamaan gender sepenuhnya dalam undang-undang dan praktis (Anon. t.t). Asasnya feminisme ialah kepercayaan terhadap kesaksamaan sosial, ekonomi dan politik penuh untuk wanita. Aliran pemikiran tersebut timbul sebagai reaksi terhadap tradisi Barat yang menyekat hak wanita, namun begitu pemikiran feminis mempunyai manifestasi dan variasi global (Burkett & Brunell, 2023). Gerakan massa ini dimulakan oleh wanita dari semua golongan untuk memerangi dan membasmi segala bentuk penindasan terhadap wanita yang berlaku dalam masyarakat patriarki. Feminis menyokong untuk memastikan hak dan kebebasan individu yang sama rata untuk wanita dan lelaki (Mohajan, 2022).

Gerakan Feminis Barat berkembang di Amerika dan Eropah pada tahun 1960-an. Konsep feminisme kebanyakannya ditakrifkan oleh wanita di Amerika Syarikat (Brink, 2022). Kaum feminis selalu berfikir secara dinamik, progresif, bersolusi, bervisi dan relatif keluar dari teks, iaitu dengan meninjau sisi sejarah, sehingga menjadi konteks yang relevan oleh zaman, dan dapat diamalkan oleh orang di zaman tersebut (Al Hamid, 2022). Menurut Mohajan (2022) perkembangan gerakan feminisme Barat terbahagi kepada empat gelombang yang mempunyai perspektif yang berbeza berkaitan pemerksaan wanita. Namun berdasarkan perkembangan semasa Hijab (2019), mendapati terdapat pertambahan gelombang kelima dalam gerakan tersebut yang mewarnai ilmu feminisme barat yang diterjemahkan oleh wanita muslim di barat yang beradaptasi antara pegangan agama Islam dan persekitaran global. Antara keunikan gelombang kelima ini adalah terhadap pegangan mereka terhadap sumber-sumber Islam seperti al-Quran dan hadis yang dikatakan sebagai punca kekuatan mereka dalam mempraktikkan usaha-usaha pemerksaan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan Muslim di barat.

Pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis: Satu sorotan literatur

Jadual 1: Gelombang Feminisme Barat

Gelombang Pertama	Gelombang Kedua	Gelombang Ketiga	Gelombang Keempat	Golongan Kelima
<p>Gelombang ini merujuk kepada tempoh aktiviti feminis pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.</p> <p>Tumpuan golongan ini memperjuangkan hak mengundi dan kesaksamaan politik wanita. Wanita pada masa ini berjuang untuk hak mengundi, akses kepada pendidikan, dan keupayaan untuk memiliki harta.</p>	<p>Gelombang kedua feminisme merujuk kepada tempoh aktiviti feminis pada tahun 1960-an dan 1970-an. Gelombang ini memfokuskan pada julat isu yang lebih luas, termasuk hak reproduktif, seksualiti dan diskriminasi di tempat kerja. Wanita pada masa ini berjuang untuk mendapatkan gaji yang sama, akses kepada pengguguran dan kawalan kelahiran, dan penamatan diskriminasi berasaskan jantina di tempat kerja.</p>	<p>Gelombang ketiga feminisme merujuk kepada tempoh aktiviti feminis pada tahun 1990-an hingga awal 2000-an. Gelombang ini memberi tumpuan kepada isu seperti persimpangan, kepelbagaian, dan kemasukan wanita daripada latar belakang dan identiti yang berbeza. Wanita pada masa ini berjuang untuk mengiktiraf kepelbagaian pengalaman wanita dan persimpangan jantina dengan bentuk penindasan lain, seperti bangsa, kelas, dan seksualiti.</p>	<p>Gelombang keempat feminisme bermula sekitar 2012 dan masih berterusan. Gelombang ini dicirikan oleh penggunaan platform media sosial dalam talian, seperti Facebook, Twitter, Instagram, dan YouTube, untuk mempromosikan idea dan aktivisme feminis. Gelombang keempat feminisme memberi tumpuan kepada isu-isu seperti gangguan seksual, serangan dan keganasan terhadap wanita, serta perwakilan wanita dalam media dan politik. Gelombang ini juga menekankan kepentingan persilangan dan kemasukan wanita daripada pelbagai latar belakang dan identiti.</p>	<p>Gelombang kelima ini muncul dalam kalangan wanita Muslim yang lahir atau membesar di barat. Mereka berdepan dengan cabaran persekitaran yang mendesak mereka mempertahankan identiti dan teras agama Islam pada masa yang sama beradaptasi dengan sektor pekerjaan, pendidikan, kehidupan domestik dan tempatan.</p>

Sumber: Mohajan (2022) & Hijab (2019)

Terdapat empat aliran feminisme Barat iaitu Feminisme Liberal, Feminisme Radikal, Feminisme Marxisme, Feminisme Sosialis (Pahlevi et al. 2022).

Konsep pemeriksaan wanita menurut aliran feminisme tersebut adalah:

Jadual 2: Konsep Pemeriksaan Wanita Menurut Perspektif Aliran Feminisme Barat

Feminisme Liberal	Feminisme Radikal	Feminisme Marxisme	Feminisme Sosialis
<p>Feminisme liberal percaya bahawa wanita harus mempunyai hak dan peluang yang sama dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan, termasuk pendidikan, pekerjaan, dan politik. Feminis liberal berpendapat bahawa pemeriksaan wanita boleh dicapai melalui perubahan undang-undang dan dasar yang menghapuskan diskriminasi dan menggalakkan kesaksamaan jantina</p>	<p>Feminisme radikal melihat penindasan wanita akibat sistem sosial patriarki, yang telah sebatik dalam masyarakat. Feminis radikal percaya bahawa pemeriksaan wanita hanya boleh dicapai dengan membongkar sistem ini dan mewujudkan masyarakat baharu yang bebas daripada penindasan berasaskan jantina</p>	<p>Feminisme Marxis melihat penindasan wanita akibat sistem kapitalis, yang mengeksploitasi pekerja, termasuk wanita, untuk keuntungan. Feminis Marxis berpendapat bahawa pemeriksaan wanita hanya boleh dicapai dengan menggulingkan sistem kapitalis dan menggantikannya dengan sistem sosialis yang mengutamakan keperluan pekerja, termasuk wanita.</p>	<p>Feminisme sosialis menggabungkan teori Marxis dan feminis untuk berhujah bahawa penindasan wanita adalah hasil daripada kedua-dua patriarki dan kapitalisme. Feminis sosialis percaya bahawa pemeriksaan wanita hanya boleh dicapai dengan menangani kedua-dua sistem ini dan mewujudkan masyarakat yang mengutamakan keperluan semua orang, tanpa mengira jantina atau kelas.</p>

Sumber: Pahlevi et al. (2022)

Zeenath (2022) dalam kajiannya pula menambahkan empat aliran feminisme lagi daripada empat aliran feminisme yang disebutkan oleh Pahlevi et al. (2022) iaitu Feminisme Psikoanalisis, Eksistensialis, Pascamoden dan Jantina:

Jadual 3: Konsep Pemerksaan Wanita Menurut Perspektif Alira Feminisme Barat

Feminisme Psikoanalisis	Feminisme Eksistensialis	Feminisme Pascamoden	Feminisme Jantina
Feminisme psikoanalisis adalah aliran feminisme yang menggunakan idea Sigmund Freud dan Jacques Lacan untuk memahami perkembangan psikologi manusia yang boleh membawa kepada penindasan terhadap wanita. Feminisme psikoanalisis percaya bahawa lelaki mempunyai keperluan psikologi untuk menguasai wanita, dan ia bertujuan untuk memahami perkembangan kehidupan psikologi manusia untuk lebih memahami dan mengubah penindasan terhadap wanita.	Feminisme eksistensialis adalah teori feminis yang menekankan kewujudan wanita dan keupayaan mereka untuk wujud sebagai individu. Ia berdasarkan idea bahawa wanita telah ditindas dan dipinggirkan dalam masyarakat patriarki, dan bahawa mereka mesti berjuang untuk kebebasan dan kesaksamaan mereka.	Feminisme pascamoden merujuk kepada gerakan feminis pascamoden yang muncul pada akhir abad ke-20. Pergerakan ini dicirikan oleh penolakannya terhadap kebenaran dan autoriti mutlak, dan tumpuannya pada dekonstruksi peranan gender dan struktur kuasa. Feminisme pascamoden sering dikaitkan dengan idea "perbezaan seksual," yang menekankan pengalaman dan perspektif unik wanita.	Feminisme jantina adalah gerakan yang percaya pada kesamaan sosial, politik, dan ekonomi antara kedua-dua jantina, serta kepada sebuah gerakan yang dikendalikan berdasarkan keyakinan bahawa jantina harus tidak merupakan faktor penentu yang membentuk identiti sosial atau hak-hak sosiopolitik dan ekonomi seseorang.

Sumber: Zeenath (2022)

Manakala, Mohajan (2022) dalam kajiannya pula menambah tiga lagi kategori feminisme iaitu Ekofeminisme, Feminisme Budaya dan Feminisme Kaum Kulit Hitam:

Jadual 4: Konsep Pemerksaan Wanita Menurut Perspektif Aliran Feminisme Barat

Ekofeminisme	Feminisme Budaya	Feminisme Kaum Kulit Hitam
Ekofeminisme ialah kategori feminisme yang mengaitkan penindasan terhadap wanita dan kemusnahan alam sekitar. Mereka berpendapat bahawa penguasaan wanita dan alam adalah saling berkaitan dan eksploitasi alam sekitar adalah hasil daripada nilai patriarki. Ekofeminis menyokong pengiktirafan nilai alam semula jadi dan keperluan untuk hubungan yang mampan dan saksama antara manusia dan alam sekitar.	Feminisme budaya ialah aliran feminisme yang berusaha untuk mengesahkan sifat-sifat feminin yang telah dipandang rendah secara sistematik dalam masyarakat patriarki. Ia menekankan perbezaan antara lelaki dan wanita berdasarkan perbezaan biologi dalam kapasiti pembiakan. Ia juga menyerlahkan konflik antara wanita dan lelaki, tetapi mencerminkan variasi budaya yang dicipta dan bukannya semula jadi secara biologi.	Feminisme hitam ialah aliran feminisme yang menekankan persilangan kaum, jantina dan kelas. Mereka menyerlahkan pengalaman unik wanita kulit hitam yang menghadapi pelbagai bentuk penindasan yang bersifat perkauman dan seksis. Mereka berpandangan bahawa isu perkauman sebagai punca utama penindasan terhadap wanita kulit berwarna.

Sumber: Mohajan (2022)

Pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis: Satu sorotan literatur

Selain daripada aliran-aliran feminisme yang bertapak di Barat, terdapat juga aliran feminisme yang berkembang dalam kalangan umat Islam dan pemikiran mereka dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran feminisme Barat. Aliran feminisme ini digelar dengan aliran feminisme Muslim. Menurut Azhar & Ismail (2021), golongan feminisme Muslim merupakan golongan yang dipengaruhi oleh pemikiran Barat yang beracukan pemikiran humanisme.

Manakala, Ismail & Muhyuddin (2021) dalam kajian mereka terhadap pemikiran feminisme Muslim di Malaysia iaitu Sisters in Islam (SIS) pula menyimpulkan bahawa terdapat persamaan asas dan ciri perjuangan SIS dengan asas dan ciri perjuangan Islam Liberal.

Selain itu, Unsi (2022) yang meneliti berkaitan konsep wanita menurut perspektif Amina Wadud menyimpulkan bahawa, Amina Wadud berpendapat kesaksamaan gender tidak bermakna sama. Beliau mengakui bahawa lelaki dan wanita mempunyai perbezaan yang ketara. Menurut beliau, “persamaan bermakna lelaki dan wanita mempunyai hak dan kewajiban yang sama dari segi etika agama, serta mempunyai tanggungjawab yang sama dari segi fungsi sosial”.

Selain daripada itu, menurut Zamri & Ibrahim (2023) pemeriksaan wanita oleh feminis Barat telah menyumbang kepada kekeliruan wanita dalam mengekalkan identiti dan ketidakupayaan mereka untuk melaksanakan peranan sebenar mereka.

Bahkan, menurut Khalif Muaamar & Adibah (2019), ideologi feminisme Barat bukan sahaja telah mencetuskan kekeliruan dalam faham gender bahkan membuka ruang kepada perombakan dan kerosakan makna terhadap konsep-konsep asasi lain dalam sistem sosial, seperti *qiwamah* atau kepemimpinan lelaki ke atas wanita. Melalui idea kesetaraan gender (*musawāh*), feminis menolak perbezaan *fiṭrah* lelaki dan perempuan demi kesamarataan yang dianggap sama dengan keadilan. Idea-idea feminisme di kalangan masyarakat Islam selain membawa agenda kolonialisme juga menimbulkan lebih banyak kekeliruan pemikiran di kalangan orang Islam.

3.3 Pemeriksaan Wanita Menurut Perspektif Islam

Islam telah mempelopori sejarah kemanusiaan dalam memperkasakan wanita dengan diberikan hak sosial, perundangan, politik dan ekonomi (Akhmetova, 2016). Hal ini diperakui oleh tokoh orientalis iaitu William Montgomery Watt yang mengiktiraf Rasulullah SAW sebagai ikon dalam hak-hak wanita (Maan & McIntosh, 2000). Terdapat beberapa kajian yang mempunyai kaitan dengan pemeriksaan wanita dalam Islam. Antara kosa ilmu yang menjadi fokus dalam pengkajian tersebut berkait dengan istilah *al-qudrah* (kemampuan) *al-quwwah* (kekuatan), *al-malak* (kekuasaan) dan *al-ḥurriyyah* (kebebasan) (Shaima, 2017; Ra'fat, 2009). Antara lain kajian tersebut menyentuh tentang hak dan kedudukan wanita dalam Islam (Abur Hamdi & Nurhidayah, 2019; Dra. Zikriati et. al., 2017; Alamgir, 2014; Zainul Muhibbin, 2011; Ahmad Dahlan, Nik et al., 2008; Sa'īd al-Afghānī, 1970; Abdullah Alwi, 1996; al-Būṭī, t.t & Muḥammad al-Ghazālī, Muḥammad Sayyid Ṭantāwī & Aḥmad 'Umar Hāshim, t.t).

Selain itu, terdapat juga kajian yang menjelaskan tentang peranan atau tanggungjawab wanita menurut perspektif Islam. Antaranya peranan wanita dalam keluarga (Siti Nur Husna, Mohd Izhar Ariff & Muhammad Adnan, 2017; Warsito, 2013; Asyraf, Wan Ibrahim & Zainab, 2010), dakwah (Nurul Effa & Berhanundin, 2019; Selmah et al, 2008), politik dan kepemimpinan (Nur Tasnim, Bharuddin & Mohamad Zaidi, 2018; Raihan Putry, 2015; Mohd Anuar & Rahimin Affandi, 2010; Sharifah Hayaati, 2002), kehakiman (Suhaizad & Ahmad Azam, 2019; Muhammad Aziz, 2017), kerjaya (Khairulnazrin et al, 2019; 'Adawiyah & Salasiah Hanin, 2012; Endri Yenti, 2011; Fatimah, 1996).

Selain itu, terdapat juga kajian terhadap konsep-konsep yang mempunyai kaitan dengan pemeriksaan wanita dalam perspektif Islam. Antaranya, kajian berkaitan konsep kesetaraan atau kesaksamaan gender menurut Islam turut dilakukan oleh beberapa pengkaji seperti Khalif Muammar & Adibah (2019), Azli Fairuz et al (2018), Andik (2013), Fadlan (2011) dan lain-lain lagi. Begitu juga konsep pembebasan wanita dalam Islam dilakukan oleh Muḥammad 'Imārah (2009), 'Abd Ḥalīm (2009) dan Muḥammad (1420H).

Islam tidak menentang pemeriksaan wanita, sebaliknya pemeriksaan wanita dalam Islam telah merangkumi semua aspek kehidupan manusia bagi memastikan pemeriksaan wanita dilaksanakan dengan kaedah yang betul (Sultana, Aktar & Alam, 2015). Tujuan utama pemeriksaan wanita dalam Islam adalah memberikan kekuatan kepada

wanita dalam perjuangan mereka dengan lelaki dan bukanlah untuk memberontak terhadap peranan semula jadi antara lelaki wanita (Shaima, 2017; Ra'fat, 2009). Antara elemen yang dibincangkan dalam pemerksaan wanita menurut Islam adalah berkaitan pemerksaan wanita dalam keluarga, pendidikan, ekonomi dan politik (Sultana et al. 2015). Ringkasnya, walaupun terdapat kajian berkaitan teori pemerksaan wanita menurut perspektif Islam, namun masih terdapat vakum yang perlu diperincikan secara tuntas untuk menggambarkan konsep pemerksaan wanita menurut perspektif Islam yang sebenar khususnya apabila ia dikaitkan dengan sumber Islam yang utama dalam hadis-hadis Nabi Muhammad SAW.

3.4 Pemerksaan Wanita Menurut Perspektif Hadis

Kajian-kajian yang membincangkan berkaitan pemerksaan wanita menurut perspektif hadis masih lagi asing dan jarang diberi perhatian oleh para pengkaji. Namun, masih terdapat kajian-kajian yang membincangkan hadis-hadis berkaitan pemerksaan wanita secara tematik dan kajian-kajian yang memfokuskan kepada hadis yang berkaitan tema-tema tertentu dalam pemerksaan wanita.

Antara kajian yang terawal yang meneroka aspek wanita dan hadis telah dipelopori oleh Saad (1990) yang meneliti status undang-undang dan sosial wanita di dalam teks-teks hadis Rasulullah SAW. Kajian ini memperkenalkan tentang enam kategori status wanita berdasarkan hadis Rasulullah SAW iaitu kategori bayi perempuan, kanak-kanak perempuan, wanita berkahwin dan ibu, wanita diceraikan, janda serta hamba wanita.

'Abd al-Halīm (2009) dalam kajiannya pula membincangkan hadis-hadis berkaitan pemerksaan wanita secara tematik tentang penglibatan wanita dalam pelbagai lapangan pada zaman Rasulullah SAW. Kajian ini memfokuskan kepada hadis-hadis daripada *ṣaḥīḥ al-Bukhari* dan *Muslim* sahaja. Pada zaman Rasulullah SAW, wanita tidak hanya terhad kepada urusan kekeluargaan semata-mata, bahkan luas sehingga turut turun ke medan jihad.

Wanita pada zaman Rasulullah SAW juga terlibat dengan khidmat sosial. Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Azyyati, Fariza & Salasiah (2012) mendapati kaum wanita pada zaman Rasulullah SAW memberikan khidmat sosial dalam bidang pendidikan, dakwah, sukarelawan dan melibatkan diri dalam projek kemahiran sesuai dengan kemahuan dan keperluan masyarakat ketika itu.

Selain itu, soal pendidikan wanita dalam hadis juga turut dibincangkan oleh para pengkaji, antaranya kajian oleh Nando, Muhammad & Sarwan (2022) & Sulaemang (2015). Hasil penelitian Sulaemang (2015) mendapati wanita telah terlibat dalam pendidikan pada zaman Rasulullah SAW. Penekanan Rasulullah SAW kepada pendidikan bagi kaum wanita bukan sahaja kerana mereka adalah sebahagian daripada masyarakat, bahkan ia mempunyai mempunyai pengaruh yang penting dalam kehidupan masyarakat. Manakala kajian Pinto & Idris (2022) menegaskan kaum wanita juga berhak dalam menuntut ilmu kerana hal ini diwajibkan kepada seluruh orang Islam tanpa terkecuali, selain itu bekerja setelah menempuh pendidikan juga menjadi sorotan dan pembolehan bagi mereka. Walau bagaimanapun tugas sebagai ibu rumah tangga dan penanggung jawab terhadap pendidikan anak tidak boleh diabaikan dan hal ini tetap menjadi kewajiban yang tidak boleh digantikan.

Kajian berkaitan kepimpinan wanita dilakukan oleh Saladin (2022); Hasibuan & Hafizzullah (2021); Andi Rahman (2018); Tasnim, Bharuddin & Zaidi (2018); M. Ali & Fauziah (2018) & Tasmin (2015). Hasil kajian mendapati Islam tidak menghalang sepenuhnya keterlibatan wanita dalam menjadi pembuat keputusan di peringkat pengurusan tertinggi negara selain jawatan Khalifah. Keharusan yang diberikan ini menunjukkan Islam mengangkat keupayaan dan kredibiliti kaum wanita setanding kaum lelaki. Menurut Saladin (2022) kepimpinan bukan dalam hal ibadah mahdhah tidak mengenal jenis kelamin atau gender. Kepimpinan menuntut kompetensi atau kecakapan dan kelayakan seseorang dalam memimpin, bukan jenis kelamin.

Khairulnazrin et al (2019) dalam kajian mereka pula mendedahkan lapangan kerjaya yang diceburi oleh wanita pada zaman Rasulullah SAW. Berdasarkan analisis hadis secara tematik, terdapat pelbagai sektor kerjaya yang diceburi oleh wanita seperti pendidikan, asas tani, keselamatan awam dan lain-lain lagi. Pengkaji menyimpulkan bahawa sifat feminin dan lemah lembut bukan halangan bagi wanita untuk berkerjaya selagi mana syariat Islam tidak dikebelakangkan.

Pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis: Satu sorotan literatur

Selain itu, kajian berkaitan tema politik pula dilakukan oleh Is (2019) dan Safitri (2019). Kajian-kajian ini membahaskan hadis-hadis berkaitan penglibatan wanita dalam politik dan menjelaskan salah faham berkaitan hadis yang melarang melantik untuk wanita sebagai pemimpin politik. Analisis hadis mendapati, wanita terlibat dalam pelbagai lapangan pada zaman Rasulullah SAW dan tiada larangan untuk wanita untuk terlibat dengan politik dan kepimpinan.

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang membahaskan berkaitan pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis adalah kajian yang dilakukan oleh Hamisan (2023) yang menganalisis hadis-hadis berkaitan wanita yang terkandung di dalam *Baḥr al-Mādhī* oleh Idris al-Marbawi serta konsep pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis. Kajian mendapati tokoh nusantara tersebut telah memberi sumbangan dalam memperkasa dan menyokong hak-hak wanita sama ada secara langsung dan tidak langsung jelas dengan menjadikan Islam, iman, dan ihsan sebagai asas pembangunan insan. Pengkaji telah menyimpulkan empat tema pemeriksaan wanita berdasarkan hadis Nabawi daripada hadis-hadis yang dikupas oleh al-Marbawi dalam *Baḥr al-Mādhī* iaitu:

- i. Pemeriksaan wanita melalui syariat Islam
- ii. Pemeriksaan wanita melalui akhlak
- iii. Pemeriksaan wanita dalam aspek sosial
- iv. Pemeriksaan wanita melalui kisah wanita inspirasi

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas telah membincangkan beberapa tema pemeriksaan wanita daripada perspektif hadis seperti perundangan, pendidikan, khidmat sosial, kerjaya dan politik. Namun, masih terdapat banyak lagi aspek-aspek pemeriksaan wanita di dalam hadis yang belum diteliti. Manakala, skop kitab hadis yang menjadi rujukan para pengkaji merangkumi *kutub sittah* (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibnu Mājah*), mana-mana kitab hadis tertentu dalam *kutub sittah* atau ada juga yang tidak menyatakan skop kitab hadis yang dirujuk.

Jadual 5: Sorotan Literatur Pemeriksaan Wanita Menurut Perspektif Hadis

KAJIAN	TAHUN	TEMA	SKOP KITAB HADIS
Sa'ad	1990	<ul style="list-style-type: none"> • Undang-Undang • Sosial 	<i>Kutub Sittah</i>
'Abd Halim	2009	<ul style="list-style-type: none"> • Lapangan penglibatan wanita 	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>
Azyyati, Fariza & Salasiah	2012	<ul style="list-style-type: none"> • Khidmat sosial 	Tidak dinyatakan
Nando, Muhammad & Sarwan	2022		Tidak dinyatakan
Sulaemang	2015	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan 	<i>Hadis riwayat A'isyah dalam Ṣaḥīḥ Muslim</i>
Saladin	2022		<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>
Hasibuan & Hafizzullah	2021		<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> <i>Sunan al-Tirmidhī</i> <i>Musnad Ahmad</i>
Andi Rahman	2018	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan 	<i>Hadis riwayat Abi Bakrah RA dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> <i>Sunan al-Tirmidhī</i> <i>Sunan al-Nasā'ī</i> <i>Musnad Ahmad</i>
Tasnim, Bharuddin & Zaidi	2018		Tidak dinyatakan
M. Ali & Fauziah	2018		<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>
Tasmin	2015		<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>
Khairulnazrin et al	2019	<ul style="list-style-type: none"> • Kerjaya 	<i>Kutub al-Sittah</i>
Is	2019		<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>
Safitri	2019	<ul style="list-style-type: none"> • Politik 	Tidak dinyatakan
Hamisan	2023	<ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan wanita 	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>

Sumber: Analisis Pengkaji (2023)

3.0 Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk sorotan literatur. Menurut Fink (1998), sorotan kajian lepas adalah penelitian yang sistematik dan jelas untuk mengenali, menilai dan mentafsirkan hasil-hasil penulisan oleh penyelidik, cerdik pandai dan juga pengamal dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji. Manakala, menurut Abdul Rahim & Awang (2006), sorotan literatur adalah proses penelitian, penilaian dan pemahaman secara mendalam hasil kajian dan penulisan yang lepas yang mempunyai kaitan dengan persoalan yang akan dikaji. Hasil dari penelitian ini akan menampakkan ruang atau lompang dalam pengetahuan berkaitan yang harus dilengkapkan. Demikian juga akan memberi input kepada penyelidik dalam memahami persoalan yang akan dikajinya secara lebih mendalam selain dari dapat mengetahui konteks wujudnya masalah itu serta dapat membantunya dalam melaksanakan kajiannya secara berkesan.

Metode penelitian yang diaplikasikan dalam sorotan literatur ini adalah dengan mengumpulkan dan menganalisis kajian-kajian terdahulu berkaitan pemerkasaan wanita menurut perspektif hadis. Artikel-artikel dikumpulkan dari pengkalan data elektronik melalui internet iaitu *google scholar* dan jurnal elektronik lainnya dengan kata kunci pemerkasaan wanita dan hadis.

Bagi memastikan proses analisis dan perbincangan sorotan literatur lebih sistematik dan menyeluruh, pengkaji telah membahagikan tajuk kepada beberapa sub-tema iaitu:

- i. Pemerkasaan wanita
- ii. Pemerkasaan wanita menurut perspektif feminis Barat
- iii. Pemerkasaan wanita menurut perspektif Islam
- iv. Pemerkasaan wanita menurut perspektif hadis

4.0 Kesimpulan

Berdasarkan sorotan yang dijalankan dapat disimpulkan pemerkasaan wanita oleh feminis Barat telah menyumbang kepada kekeliruan wanita dalam mengekalkan identiti dan ketidakupayaan mereka untuk melaksanakan peranan sebenar mereka. Justeru, konsep pemerkasaan wanita menurut perspektif Islam perlu diketengahkan kerana Islam adalah agama wahyu yang menepati fitrah, identiti dan peranan wanita.

Walaupun terdapat kajian berkaitan teori pemerkasaan wanita menurut perspektif Islam, namun masih lagi belum diperincikan secara tuntas untuk menggambarkan konsep pemerkasaan wanita menurut perspektif Islam yang sebenar.

Selain itu, kajian-kajian lepas telah membincangkan beberapa tema pemerkasaan wanita daripada perspektif hadis seperti perundangan, pendidikan, khidmat sosial, kerjaya dan politik. Namun, masih terdapat banyak lagi aspek-aspek pemerkasaan wanita menurut di dalam hadis yang belum diteliti. Manakala, skop kitab hadis yang menjadi rujukan sehingga *kutub sittah* sahaja, belum ada kajian yang meneliti kitab-kitab hadis yang lebih luas seperti *kutub tis'ah*.

Rujukan

- ‘Abd al-Halīm Abū Shuqqah. (2009). *Tahrīr al-Mar’ah fī ‘Aṣr al-Risālah: Dirāsah Jāmi‘ah li Nuṣūṣ al-Qur’ān al-Karīm wa Ṣaḥīḥī al-Bukhārī wa Muslīm*. Kuwait: Dār al-Qalam li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- ‘Adawiyah Ismail & Salasiah Hanim Hamjah. (2012). Kefahaman Terhadap Kedudukan Wanita Bekerjaya Menurut Islam. *Jurnal al-Hikmah* 4, 3-14.
- Abdullah Alwi Haji Hassan. 1996. Islam dan Wanita. *Jurnal Usuluddin* 4, 105-116
- Abdul Rahim, R. A., & Awang, I. (2006). Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan dalam Penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*, 3, 133–156. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol3no3.5>

Pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis: Satu sorotan literatur

- Abur Hamdi Usman & Nurhidayah Ramlee. (2019). Kedudukan Wanita Menurut Perspektif Islam: Tumpuan Kepada Konsep Kesamarataan Gender. *Prosiding, International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*.
- Ahmad Dahlan Salleh, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani & Ahmad Yunus Mohd Noor. 2008. HAK Wanita Menurut Perspektif Islam: Suatu Sorotan Umum. *Kertas Kerja, Seminar Antarabangsa Ketamadunan Islam 2008*.
- Akhmetova, E. (2015). Women's Right: The Qur'anic Ideals and Contemporary Realities. *Islam and Civilisational Renewal* 6 (1): 58-75.
- Al Hamid, R. (2022). Pemaknaan Kembali Konsep Wanita di Era Modern (Studi Atas Gagasan Kaum Feminisme dan Fundamentalis). *EDUKATIF: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 4(1), 1157-1169.
- Alamgir, A. (2014). Islam and Women's Right: Discourse in Malaysia. *Proceeding, 4th World Conference on Psychology, Counseling and Guidance (WCPCG 2013)*.
- Al-Būfī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān. t.t. *al-Mar'ah bayn Ṭughyān al-Niẓām al-'Arabī wa Laṭā'if al-Tashrī' al-Rabbāniy*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Andi Rahman. (2018). Kepimpinan Wanita: Analisis Hadis Riwayat Abī Bakrah. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin* 4 (2): 111-124
- Andik Wahyun Muqoyyidin. (2013). Wacana Kesetaraan Gender: Pemikiran Islam Kontemporer Tentang Gerakan Feminisme Islam. *Jurnal Al-Ulum* 13 (2): 491-512.
- Annas, J. (2003). Women and the Quality of Life: Two Norms in One. In *The Quality of Life*. edited by Nussbaum, Sen. Delhi: Oxford India Paperbacks.
- Anon. (t.t). *Feminism and Women's Rights Movements - Gender Matters - www.coe.int*. (n.d.). Gender Matters. <https://www.coe.int/en/web/gender-matters/feminism-and-women-s-rights-movements> [11 Julai 2023]
- Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. (2010). Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal Al-Quran. *Journal of Governance and Development* 6, 14-21.
- Azhar, S., & Ismail, I. (2021). Hermeneutik: Tafsiran Alaf Baharu Feminisme Muslim dalam Menangani Permasalahan Gender [Hermeneutic: New Version of Muslim Feminism Interpretation of Gender Issues]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (E-ISSN: 2600-9080)*, 4(3), 217–227. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/238>
- Azli Fairuz Laki, Siti Nor Fazillah Abdullah, Normadiah Daud & Mohd Borhanuddin Zakaria. (2018). Kesetaraan Gender dalam Islam: Satu Analisis. *Prosiding, Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018*.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanim Hamjah. (2012). Khidmat Sosial Wanita pada Zaman Rasulullah SAW. *Jurnal al-Hikmah* 4: 37-49.
- Batliwala, S. 1993. *Empowerment of Women in South Asia: Concepts and Practices*. Mumbai: Asian-South Pacific Bureau of Adult Education.
- _____. 1993. *Empowerment of Women in South Asia: Concepts and Practices*. Mumbai: Asian-South Pacific Bureau of Adult Education.
- Brink, A. S. T. (2022). *Western Feminism. Liberation or Domination?* GRIN Verlag.
- Burkett, E. and Brunell, Laura (2023, June 26). *feminism*. *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/feminism>
- Chowdury, R. H. (2018). Empowerment of Women in Muslim Communities. A Practice Observation: A Case Study on the Republic of Turkey. In *Contemporary World: Policy, Politics and International Relations*. edited by Rahmat Ullah & Sabbir Hasan. Turkey: Centre for Research and Policy Studies.
- Dra. Zikriati, Nurazan Mohd Rouyan & Rahimah Embong. (2017). *Prosiding, International Conference on Empowering Islamic Civilization*.
- Endri Yenti. 2011. Wanita Bekerja Menurut Islam: Analisis Gender. *Kafa'ah: Journal of Gender Studies* 1 (1): 107-116.
- Fadlan. (2011). Islam, Feminisme dan Konsep Kesetaraan Gender dalam al-Quran. *KARSA* 19 (2): 105-119.
- Fatimah Ali. (1996). Pandangan Islam Terhadap Wanita Bekerja. *Jurnal Usuluddin* 3: 157-190.
- Fink, A. (1998). *Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet*. Thousand Oak: Sage
- Ghanghas, A. (2018). Empowerment of Women: Concept, Policy Approach and Implications. *International Journal of Law* 4 (1): 36-40
- Hamisan, N. S. (2023). Analisis Terhadap Hadis Berkaitan Wanita Dalam *Baḥr Al-Mādhī*: Meneliti Konsep Emansipasi Wanita. *HADIS*, 13(25), 18-27.
- Hasibuan, U. K., & Hafizzullah, H. (2021). Hadis Tentang Wanita Menjadi Pemimpin: Menelisi Antara Pemahaman Tekstual dan Kontekstual Perspektif M. Syuhudi Ismail. *Khazanah Theologia*, 3(2), 81-92.
- Hijab, M. (2019). *Fifth-Wave Feminism*. United States: KH Publishing

- Is, F. (2019). Prespektif Hadis Dalam Elektabilitas Wanita Dalam Politik Aktif Studi Komparasi Dan Solusi. *SHAHIH (Jurnal Ilmu Kewahyuan)*, 2(1), 1-29.
- Ismail, I., & Muhyuddin, A. (2021). Pemikiran Sisters in Islam dan hak asasi manusia - UKM Journal Article Repository. *Journalarticle.ukm.my*. <http://journalarticle.ukm.my/16729/1/44024-154723-1-PB.pdf>
- Kabeer, N. (1999). *Resources, Agency, Achievements: Reflections on the Measurement of Women's Empowerment*. 30(3), 435–464. <https://doi.org/10.1111/1467-7660.00125>
- _____. (2001). Reflections on the Measurement of Women's Empowerment. in *Discussing Women's Empowerment: Theory and Practice*. edited by Kabeer, N. Stockholm: SIDA Studies
- Khairulnazrin et. al. (2019). Ikon Wanita Berkerjaya Pada Zaman Nubuawah: Analisis Terhadap Hadis dalam *Al-Kutub Al-Sittah*. dalam *Inspirasi Muslimah ke Arah Matlamat Pembangunan Mapan*. editor oleh Nurhafilah Musa & Najah Nadiyah Amran. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Khalif Muammar & Adibah. (2019). Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam & Barat. *Afkar 21* (2), 33-74.
- M. Ali Rusdi Bedong & Fauziah Ahmad. (2018). Kepimpinan Wanita di Dunia Publik. *Jurnal Al-Maiyyah 11* (2): 214-231.
- Mangino, K.B. (2021). Can women's empowerment include men Evidence from rural Indonesia suggests that incorporating theories of masculinity into the empowerment approach can improve program results for women. *International Journal of Gender Studies in Developing Societies*.
- Mohajan, H. K. (2022). Four Waves of Feminism: A Blessing for Global Humanity. *Studies in Social Science & Humanities*, 1(2), 1–8. <https://doi.org/10.56397/sssh.2022.09.01>
- _____. (2022): *An Overview on the Feminism and Its Categories*. Published in: Research and Advances in Education, Vol. 1, No. 3 (18 September 2022), 11-26.
- Mohd Anuar Ramli & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2010). Kepimpinan Perempuan Menurut Perspektif Islam: Satu Sorotan. *Jurnal Pengajian Melayu 21* (1): 111-122.
- Muhammad 'Imārah. (2009). *Tahrīr al-Mar'ah bayn al-Gharb wa al-Islām*. Kaherah: Maktab al-Imām al-Bukhārī.
- Muhammad al-Ghazālī, Muhammad Sayyid Ṭaṭāwī & Aḥmad 'Umar Hāshim. (t.t). *al-Mar'ah fī al-Islām*. Kaherah: Maṭbū'āt Khabār al-Yawm.
- Muhammad Aziz. (2017). Hakim Perempuan dalam Perspektif Hukum Islam dan Hukum Positif Indonesia. *AKADEMIKA 11* (1): 21-32.
- Muhammad Ibn Nāṣir al-'Uraynī. (1420H). *Al-Mar'ah bayn Takrīm al-Islām wa Da'āwā al-Tahrīr*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahad al-Waṭaniyyah.
- Mulia, D. S.; Narwan, K. (2020). Ke Arah Mencapai Keseksamaan Gender: Analisis Pemerksaan Wanita Melalui Sektor Ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud, Sabah: Achieving Gender Equality: An Analysis of Women Empowerment Through Ecotourism in Kadamaian, Kota Belud, Sabah. *eJK*, 26, 73.
- Nandi Pinto, Muhammad Idris & Sarwan. (2022) Hadis dan media abad ke-20: Penolakan hadis dhaif tentang larangan wanita diberi pendidikan dalam majalah Al-Munir. *JURNAL ULUNNUHA*, 11 (2), 168-177.
- Nur Tasnim Ismail, Bharuddin Che Pa & Mohamad Zaidi Abdul Rahman. (2018). Kerjaya Wanita di Peringkat Pengurusan Tertinggi Negara Menurut Perspektif Al-Qur'an dan Al-Hadis. *Journal of Hadis Studies* 3 (2): 12-21.
- Nurul Effa Atiekah Abdullah & Berhanudin Abdullah. (2019). Peranan Wanita Muslimah dalam Dakwah kepada Keluarga dan Masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 20 (2), 16-27.
- Pahlevi, A. T., Zulaiha, E., & Huriani, Y. (2022). Aliran Feminisme dan Pengaruhnya di Indonesia. *Jurnal Agama Dan Sosial Humaniora*, 1(2), 103–112.
- Panday, P. (2017). Gender empowerment in the development economics literature: the language of choice, preferences and agency.
- Porter, G., Hampshire, K.R., Abane, A., Munthali, A.C., Robson, E., Lannoy, A.D., Tanle, A., & Owusu, S.A. (2019). Mobile phones, gender, and female empowerment in sub-Saharan Africa: studies with African youth. *Information Technology for Development*, 26, 180 - 193.
- Ra'fat Ṣilāh al-Dīn. (2009). al-Mar'ah bayn 'al-Jinderah' wa 'al-Tamkīn'. Lahaonline.com. <https://www.lahaonline.com/articles/view/17463.htm> [12 Julai 2023]
- Raihan Putry. (2015). Kepemimpinan Perempuan dalam Perspektif Islam. *Jurnal MUDARRISUNA* 5 (2): 626-655.
- Raina, J. A. (2017). Feminism: An Overview. *International Journal of Research*, 4(13), 3372-3376.
- Ray, S. (2015). Conceptualizing Women's Empowerment. *International Journal of Scientific Research* 4 (1): 447-448.

Pemeriksaan wanita menurut perspektif hadis: Satu sorotan literatur

- Rowlands, J. (1995). Empowerment Examined. *Development in Practice* 5 (2): 101-107. DOI: <https://doi.org/10.1080/0961452951000157074>
- _____. (1997). *Questioning Empowerment: Working with Women in Honduras*. United Kingdom: Oxfam
- Sa'id al-Afghānī. (1970). *al-Islām wa al-Mar'ah*. Damsyik: Dār al-Fikr
- Saad, S. (1990). The Legal and Social Status of Women in the Hadis Literature. Thesis Doc, Department of Modern Arabic Studies, University of Leeds.
- Safitri, S. (2020). Peran Sosial Politik Wanita dalam Perspektif Hadis (Doctoral dissertation, UIN SMH BANTEN).
- Saladin, T. (2022). Menyoal Kepemimpinan Wanita dalam Hadits Nabi Saw. *Mahkamah: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 7(1), 99-107.
- Selmah Ahmad, Bushrah Basiron, Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. (2008). Peranan Wanita Dalam Berdakwah. dalam *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Press, Skudai, Johor Bahru, 141-160.
- Sen, A. (1990). Development as Capability Expansion. In *Human Development and the International Development Strategy for the 1990s*. edited by Griffin, K., Knight, J. UK: London, UK.
- Shaima Rifai Taha Yassin. 2017. The Edxtent of Community Empowerment for Women in Islamic Law. *Journal of The Iraqi University* 38 (2): 379-399.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2002). Kepimpinan Wanita dalam Politik dari Perspektif *Siyāsah Syar'iyah*. *Jurnal Syariah* 10 (2): 109-122.
- Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Peranan Wanita dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan dari Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 12 (3): 1-16.
- Stromquist, N. P. (1995). The Theoretical and Practical Bases for Empowerment. in *Women, Education and Empowerment: Pathways Towards Autonomy*. edited by C. Mendel-Anonuevo. Hamburg: UNESCO Institute for Education.
- Suhaizad Saifuddin & Ahmad Azam Mohd Shariff. (2019). Hakim Syarie Wanita d Malaysia: Pelantikan, Bidang Kuasa dan Cabaran. *Jurnal Hukum* 45 (2): 1-18.
- Sulaemang, L. (2015). Pendidikan Kaum Wanita dalam Hadis (Telaah Hadis Riwayat 'Aisyah). *Shautut Tarbiyah* 21 (1): 145-160.
- Sultana, R., Aktar, M. & Alam, O. (2015). Women Empowerment in Bangladesh from Islamic Perspective. *IOSR Journal of Humanities and Social Science* 20 (12): 51-59.
- Tandon, T. (2016). Women Empowerment: Perspectives and Views. *The International Journal of Indian Psychology* 3 (3): 6-12. DOI: 18.01.134/20160303
- Tasmin Tangngareng. (2015). Kepimpinan Perempuan dalam Perspektif Hadis. *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture* 23 (1): 165-176.
- United Nations. (2002). Agreed Conclusions on Eradicating Poverty, Including Through the Empowerment of Women Throughout Their Life Cycle in a Globalizing World.
- Unsi, B. T. (2022). Analisis Konsep Tentang Wanita Amina Wadud. *Tafáqquh: Jurnal Penelitian Dan Kajian Keislaman*, 10 (2), 336–351. <https://doi.org/10.52431/tafaqquh.v10i2.969>
- Warsito. (2013). Perempuan dalam Keluarga Menurut Konsep Islam dan Barat. *PROFETIKA: Jurnal Studi Islam* 14 (2): 148-163.
- Young, K. (1993). *Planning Development with Women: Making World of Difference*. New York: St. Martin's Press.
- Zainul Muhibbin. (2011). Wanita dalam Islam. *Jurnal Sosial Humaniora* 4 (2): 109 – 120.
- Zamri, N. F., & Ibrahim, I. A. (2023). Pemeriksaan Jati Diri Wanita Dan Hak Mereka Menurut Barat Dan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 28 - 47.